

12 JUN 2002

Syed Hamid-Pakistan

PAKISTAN SEDIA TERIMA MALAYSIA SEBAGAI ORANG TENGAH

PUTRAJAYA, 12 Jun (Bernama) -- Pakistan sedia untuk menerima Malaysia sebagai orang tengah bagi membantu usaha menyelesaikan konfliknya dengan India, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Beliau bagaimanapun berkata jalan penyelesaian kepada konflik dua buah negara berjiran itu sehingga kini belum sampai ke peringkat untuk mencari negara ketiga sebagai orang tengah.

Menurutnya, kedua-dua negara itu nampak sedang berusaha mencari jalan damai untuk menyelesaikan konflik dan banyak negara lain juga sedang gigih memainkan peranan untuk mencari jalan penyelesaian.

"Kita pantau dulu keadaan semasa. Pada masa ini kita memberi sokongan kepada sebarang usaha damai secara rundingan. Isu negara ketiga tidak timbul lagi. Bila timbul nanti, pada masa yang sesuai, saya akan jawab soalan anda mengenainya," katanya dalam persidangan media selepas menerima kunjungan wakil khas Presiden Pakistan, Najmuddin A. Sheikh di pejabatnya di sini hari ini.

Najmuddin sebelum itu menemui Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menyampaikan surat daripada Presiden Pervez Musharraf bagi memberi penerangan terperinci mengenai ketegangan yang sedang berlaku dalam hubungan Pakistan-India pada masa ini dari prespektif negara itu.

Abdullah menerima surat itu kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berada di Luxembourg selepas melawat Vatican City dan Switzerland.

Syed Hamid berkata Najmuddin sebelum ini telah mengadakan pertemuan dengan pemimpin Singapura dan Indonesia bagi tujuan yang sama.

Beliau berkata Malaysia amat menghargai inisiatif Pakistan itu.

Menurutnya, Pakistan dan India merupakan sahabat baik Malaysia dan Malaysia sudah pasti tidak mahu melihat ketegangan kedua-dua negara ini mengugat kestabilan rantau Asia Tenggara, sekaligus bakal memberi kesan kepada suasana ekonomi rantau ini.

Sementara itu, Najmuddin berkata Pakistan sejak awal lagi mencadangkan campur tangan pihak ketiga untuk menjadi orang tengah bagi membantu usaha penyelesaian konflik berkenaan.

"Kami tidak mempunyai masalah langsung untuk menerima Malaysia sebagai orang tengah," katanya.

Mengenai surat itu, Najmuddin berkata ia menerangkan keadaan semasa krisis.

Beliau berkata ketegangan semasa bermula apabila India menuduh Pakistan terbabit dengan serangan di parlimen India pada Disember lepas dan kemudian menghimpunkan bala tenteranya dekat kawasan sempadan.

-- BERNAMA

AZH ZS MOZ